

Nama / Ting : _____ / _____

Tarikh : _____

TEMA 9 INDAH SENI, INDAH BUDAYA

Permainan Tradisional Warisan Kita (ms 106)

Karangan Pidato (Tajuk : Kepentingan Permainan Tradisional)

Aktiviti 1 : Lengkapkan teks pidato yang diberikan dengan pilihan jawapan yang sesuai.

Kita haruslah berganding bahu bagai aur dengan tebing untuk mempopularkan permainan tradisional ini

Para pelancong dari luar negara akan berkunjung ke Malaysia untuk melihat keunikan permainan tradisional ini

Permainan ini dapat dimainkan secara individu atau berkumpulan

permainan tradisional ialah warisan nenek moyang kita yang melambangkan adat, budaya, dan identiti sesuatu bangsa

Secara tidak langsung, seseorang itu dapat mengelakkan diri daripada melakukan perkara yang tidak berfaedah

Oleh itu, pendapatan negara akan meningkat melalui aliran mata wang asing

Hal ini terbukti apabila masyarakat yang berlainan kaum berinteraksi antara satu sama lain semasa bermain permainan bersama-sama

Yang berbahagia Tuan Haji Hairul Bahri bin Musa, Pegawai Pendidikan Daerah Maran, para juri yang arif lagi bijaksana, penjaga masa yang Budiman, Tuan Pengetua, guru-guru, dan seterusnya hadirin yang saya hormati sekalian. Pada pagi yang indah ini, saya akan menyampaikan sebuah pidato yang bertajuk 'Kepentingan Permainan Tradisional'.

Antara kepentingan permainan tradisional ialah permainan ini dapat melestarikan warisan budaya Malaysia yang sangat unik. Hal ini dikatakan demikian kerana

(1) _____. Permainan tradisional haruslah dikekalkan supaya generasi muda dapat mengenali budaya warisan mereka.

Selain itu, permainan tradisional dapat dijadikan sebagai alat hiburan untuk memanfaatkan masa senggang. Terdapat pelbagai jenis permainan tradisional yang menyeronokkan contohnya wau, gasing, congkak dan sepak raga. (2) _____.

1.0 KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

S.P 1.6.1 Menjana idea dan menyampaikan pidato dengan betul, jelas, dan intonasi yang sesuai menggunakan ayat yang gramatis.

(3) _____.

Sidang warga dewan yang saya muliakan,

Kemaslahatan yang seterusnya ialah permainan tradisional dapat mempererat hubungan silaturahmi dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa. (4)

_____.

Dengan itu, suasana muhibah dan harmoni dapat diwujudkan dalam kalangan ahli masyarakat.

Seterusnya, permainan tradisional dapat menjana sumber ekonomi melalui pelancongan budaya. (5) _____.

(6) _____.

Hadirin yang saya hormati,

Tuntasnya, ingin saya rumuskan bahawa permainan tradisional banyak kepentingannya kepada masyarakat dan negara. (7) _____.

Sekian, terima kasih.